

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Ahad Prapaska Ke-1

HARAPAN: PERCAYA, HIDUP DAN MEMBERI
TEMA BULANAN: SOLIDARITAS DALAM KEPELBAGAIAN

BERTAUBAT dan PERCAYA

Pada permulaan musim Prapaska, Yesus meminta kita untuk "Bertobat dan mempercayai Injil". Yesus balik dari 40 hari sembahyang dan berpuasa di padang pasir berpegang kepada misi dan hikmat Tuhan. Misi yang diamanahkan oleh Yesus adalah untuk membawa semua orang kepada Bapa dengan menggunakan diri sendiri sebagai pengorbanan kasih sayang.



AYAT KITAB SUCI MINGGU INI:

"Dalam kasih sayangMu ingatlah aku, kerana kebaikanmu, ya Tuhan"

(Mazmur 24, 7)

Kemudian, Yesus berdoa sebelum kenaikanNya ke syurga: "Sebab segala firman yang Engkau sampaikan kepada-Ku telah Kusampaikan kepada mereka dan mereka telah menerimanya". Ini adalah perjanjian yang dibuat bahawa tidak ada sesiapa pada sebarang usia apa pun akan musnah; kerana Tuhan menetapkan perjanjian baru dengan orang yang mempercayai, dalam Yesus, Adam yang baru.

Sepanjang masa, Tuhan menepati janji-Nya. Ketika Tuhan menetapkan semula dunia selepas banjir besar pada masa Nuh, Dia berjanji bahawa Dia tidak akan pernah membanjiri dunia lagi. Dunia ketika itu dalam keadaan huru-hara dan penduduk-penduduk tidak mengikuti undang-undang dan tidak menghormati Tuhan. Di hadapan Nuh dan keluarganya, Tuhan menetapkan pelangi di langit sebagai tanda bahawa Dia akan menepati janji-Nya. Dalam Injil, kita melihat lagi janji Tuhan yang lain dipenuhi. Yesus, Anak-Nya, menjadi Pengantara, perjanjian hidup di antara Tuhan dan semua ciptaan. Dia adalah pengorbanan yang suci dan ungkapan penuh kasih sayang Tuhan. Dan dalam Kristus sahaja, kita memiliki peluang untuk hidup kekal bersama Tuhan.

Ketika kita merenungi kehidupan kita dan keadaan dunia, kita harus mengakui perjanjian yang dibuat oleh Tuhan dengan kita. Mesej tidak berubah: kita mesti bertaubat dan percaya. Kepercayaan ini mendorong kita untuk melakukan perkara yang baik dan berusaha untuk kebaikan semua. Kita mempunyai banyak peluang dan cara untuk menunjukkan kasih sayang kita kepada orang di sekeliling kita. Bagi kita, misi ini tidak hanya bermula dan berakhir pada musim Prapaska. Ia adalah perjalanan seharian. Mengenali Yesus adalah mengenali bahawa kehidupan itu adalah satu perubahan yang berterusan - ke arah pengorbanan dan kasih sayang, ke arah pertaubatan dan kepercayaan yang agung, ke arah rahmat dan kebaikan. Dalam Yesus, keselamatan kita adalah satu kepastian. Memahami kebenaran ini ialah untuk berkata dengan sepenuh maksudnya, sebagaimana yang dikatakan oleh Pemazmur, "JalanMu Ya Tuhan adalah cinta dan kebenaran, kepada mereka yang menepati perjanjianmu". ✦

AYAT SUCI MINGGU INI

Kejadian 9, 8-15;
Mazmur 24, 4-9;
1 Petrus 3, 18-22;
Markus 1, 12-15.